

BULETIN JSG

Jabatan Sains Gunaan
UiTM Cawangan Pulau Pinang



KANDUNGAN

• Dari Meja Koordinator	01
• Sekalung Penghargaan; Jasamu Dikenang, Sumbanganmu Dihargai	02
• Menjulung Amanah, Menyemai Harapan	03

KUALITI

• JSG Menjulung Penyelidikan Mencorak Masa Depan	04-07
• Perundingan & Kepakaran	08-11
• Penulisan & Penerbitan	12-14
• Penyeliaan Pelajar	15-17
• Penyeliaan Industri	18-19
• Pencapaian & Anugerah	20-21
• Anugerah Felo IKM	22
• Inovasi Pengajaran & Pembelajaran	23
• Inovasi Keusahawanan	24

AKADEMIK

• MOU Signing; UiTM - MCE	25-27
• Pengajaran Kolaboratif	28
• Bengkel Perancangan Strategik	29-30
• Bengkel TOT Misi Akademik JSG 2024	31-32
• K2M Zon Utara	33-34
• JSG @ ESKU 2024	35
	36-37

AKTIVITI

• Promosi program akademik Pra Diploma Sains & Pra Diploma Sains STEM Sastera	36-37
• Sinar Kasih 1.0	38-39
• A DAY IN UITM CPP 2024: Mendekatkan UiTM kepada Komuniti Luar Bandar	40-41
• Program Explorasi Ilmu Sempena Hari Kanak-kanak	42
• Ziarah Kasih Ramadan 2024 Pelajar Pra Diploma Sains	43-44
• Lawatan Ilmu Sinar Kasih	45-46
• Free Market 8.0	47
• Kemeriahan Aidilfitri bersama pelajar PPT	48-49

SUKAN/RIADAH

• Team Building @ Batu Kurau	50-51
• Sukan Antara Fakulti UiTM Caw. Pulau Pinang	52-53
• KESUTRA 2024	54-55
• SASPEN 2024	56





Sinar Kasih 1.0

Aktiviti STEM ceriakan kanak-kanak di Rumah Jagaan Bakti

KUALA KETIL, 25 Mei 2024 - Jabatan Sains Gunaan telah menganjurkan program khidmat masyarakat Sinar Kasih 1.0 bersama rakan strategik Pusat Rawatan Otot, Sendi, Saraf dan Tulang Belakang (PRO1JAB). Program dilaksanakan di premis Pertubuhan Sinar Kasih Darul Aitam di Kuala Ketil, Kedah yang berdaftar di bawah Jabatan Kebajikan Masyarakat.

Peserta program ini terdiri daripada Penghuni Rumah Jagaan Bakti di Kampung Kuala Samak, Kuala Ketil yang berjumlah seramai 16 orang, terdiri daripada anak-anak miskin-yatim-piatu berusia antara 8 hingga 22 tahun. Di antara mereka terdapat anak-anak yang memiliki kad OKU (hyperaktif, down syndrom, autism, lembam) dan ada seorang daripada mereka merupakan pelajar Institusi Pengajian Tinggi (UniSHAM) yang sedang mengidap kanser tahap 4.



Sinar Kasih 1.0 merupakan salah satu program kolaborasi bertujuan mewujudkan masyarakat yang lebih prihatin serta menyemai budaya tolong-menolong di kalangan warga UiTM. Anak-anak di sini diceriakan dengan pelbagai aktiviti bersama dan diperkenalkan dengan STEM melalui permainan yang sangat menarik seperti Kungfu Panda, Tangan Kananku, Bantal Misteri dan Kreatif-Bina. Keceriaan dan kegembiraan pelajar jelas kelihatan dalam setiap aktiviti, tambahan lagi tatkala menerima hadiah masing-masing.

Di samping aktiviti perkongsian ilmu berkaitan STEM, program ini juga berobjektifkan pengumpulan sumbangan dalam bentuk wang tunai serta barangan keperluan daripada warga UiTM untuk disumbangkan kepada pihak komuniti setempat di Kuala Ketil. Program diakhiri dengan penyerahan sumbangan berbentuk wang tunai, buku-buku dan pakaian turut diserahkan kepada anak-anak, dan Pengurus Rumah Jagaan Bakti, iaitu Encik Mohamad Rosli bin Yahaya.



Hakmilik © 2025 oleh Jabatan Sains Gunaan, Universiti Teknologi MARA Cawangan Pulau Pinang,
Penang, MALAYSIA.

Hak cipta adalah terpelihara. Tiada bahagian daripada penerbitan ini boleh diterbitkan, disimpan
dalam sistem pengambilan atau dihantar dalam bentuk atau apa-apa cara, elektronik, mekanik,
fotokopi, rakaman atau sebaliknya, tanpa kebenaran terlebih dahulu, secara bertulis, dari penerbit.
Diterbitkan pada 30 JUN 2025

UNIT PENERBITAN
JABATAN SAINS GUNAAN
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA CAWANGAN PULAU PINANG
PENANG, MALAYSIA

